

Isnin – 19 Oktober 2020

Halaman : 20

20

ORANG ASLI BATEQ MELAWAN COVID-19



ISNIN 19 OKTOBER 2020 • SINAR HARIAN
Laporan NURUL RIDUAN NOR ASHAHA dan LIZA MOKHTAR Foto MOHD ADIB YUNOS

Dua bulan kuarantin diri di hutan



SIRI 1

Hanya terdapat 1,648 orang asli suku Bateq bukan sahaja di Malaysia bahkan di seluruh dunia.

Tragedi demam campak tahun lalu yang mengorban 14 nyawa memberi trauma luar biasa kepada etnik ini.

Misteri pandemik Covid-19 menyebabkan ratusan orang asli Bateq di Kampung Kuala Koh dan Kampung Aring 5 di Gua Musang, Ke-

lantan mengambil pendekatan tersendiri mengkuarantinkan diri di hutan selama hampir dua bulan.

Wartawan Sinar Harian, Nurul Riduan Nor Ashaha dan Liza Mokhtar berkampung enam hari di Gua Musang, Kelantan baru-baru ini untuk membongkar kisah unik orang asli Bateq.

Penduduk orang asli suku Bateq hanya membawa keperluan asas antaranya seperti periuk, pisau, beras, garam, gula dan pakaian untuk digunakan sepanjang perpindahan ke dalam hutan.



ORANG asli suku Bateq yang hanya berjumlah 1,648 orang mempunyai kisah unik dan tersendiri berbanding suku orang asli lain di Malaysia.

Masyarakat minoriti daripada keluarga Negrito itu sejak sekian lama berasiplasi dengan alam semula jadi. Namun, sejak hampir 30 tahun lalu, mereka sedikit demi sedikit meninggalkan amalan berpindah-randah atau nomad yang diwarisi.

Kebanyakan mereka tinggal di pinggir-pinggir hutan selepas kerajaan membina perkampungan tetap bagi membolehkan lebih banyak bantuan dapat disalurkan dan orang asli Bateq dapat menerima tempias pembangunan.

Uniknya, orang asli Bateq itu hanya boleh ditemui di tiga buah negeri iaitu di Pahang, Kelantan serta Terengganu. Mengikut rekod, orang asli suku Bateq dipercayai berhijrah ke Malaysia sejak



beribu-ribu tahun lalu dari Indo-China dengan berjalan kaki melalui gunung-ganang. Kisah mereka mula didokumentasikan oleh penulis Rusia bernama Nicholai Miklukho-Maklai pada tahun 1878.

Tahun lalu iaitu pada bulan Jun 2019, kisah masyarakat orang asli Bateq yang berambut kerinting halus, kulit hitam manis dan berwajah bulat lebar mendapat perhatian dunia selepas 14 penduduk di Kampung Kuala Koh, di Gua Musang terkorban akibat penyakit misteri, sebelum dikenal pasti sebagai wabak campak.

Misteri kematian di peringkat awal menyebabkan hampir 200 penduduk mengambil langkah berpindah ke dalam hutan dengan membina pondok dan khemah baharu sebagai penempatan sementara.

Ironinya, mereka sebenarnya menghidupkan amalan nenek moyang mereka yang berpindah randah setiap kali berlakunya bencana, penyakit dan kematian.

Tahun ini, kurang setahun daripada tragedi campak itu, masyarakat orang asli Bateq di tiga kampung di Pos Lebir iaitu Kampung Kuala Koh, Kampung Aring 5 dan Kampung Machang sekali lagi menghidupkan amalan tradisi itu dengan kembali ke hutan pada 20 Mac lalu.

Namun, kali ini bukan kerana wabak campak tetapi kerisauan berdepan dengan virus pembunuhan baharu Covid-19.

Di kala kita semua berkurung di dalam rumah ketika fasa pertama permulaan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac lalu, masyarakat orang asli Bateq tidak berfikir panjang dalam usaha memastikan seluruh penduduk kampung terselamat daripada ancaman virus.

Mendalamai sejauh mana kebenaran itu, penulis menjelaskan kaki ke Kampung Aring 5 yang terletak hampir 70 kilometer dari pekan Gua Musang, Kelantan untuk bertemu dengan Tok Penghulu, Raina Anjang, 50, bagi mendapatkan gambaran se-

Isnin – 19 Oktober 2020

Halaman : 21

SINAR HARIAN • ISNIN 19 OKTOBER 2020

21

ORANG ASLI BATEQ MELAWAN COVID-19



#JanganPutusAsa
#Malaysia
Sinar



Penduduk kampung akan bergotong-royong mendirikan khemah sebaik sampai di lokasi perpindahan ditetapkan.

benar kejadian itu.

Raina yang berketinggian sekitar 165 sentimeter dan berambut kerinting serta berkaca mata tidak lokek bercerita kebenaran yang menjadi buah mulut masyarakat di sekitar Gua Musang.

"Kami jadi takut dan runsing bila mendengar mengenai wabak Covid-19. Selepas kerajaan umumkan PKP, saya dan penduduk kampung buat keputusan untuk mengkuarantinkan diri di hutan. Cukuplah tahun lepas kami trauma dengan wabak maut campak," kata Raina saat kali pertama bertemu penulis.

Atas faktor itulah menurut Raina, beliau mengambil pendekatan menyarankan supaya penduduk kampung yang berjumlah 304 orang berpindah ke hutan dan menutup pintu masuk ke kampung berkenaan.

Merasai sendiri proses perpindahan itu, penulis bersama beberapa penduduk kampung menghidupkan kembali suasana yang jarang sekali dirasai oleh orang luar. Ya, kami sendiri ikut 'berpindah' ke dalam hutan sejauh tujuh kilometer.

Perjalanan mengambil masa lebih sejam itu amat memenatkan bagi orang luar seperti penuli, tetapi tidak bagi orang asli suku Bateq yang hidupnya bersatu dengan alam semula jadi.

Beberapa anak sungai disusuri dan beberapa anak bukit di daki sebelum tiba



RAINA

ke lokasi perpindahan sementara yang kedudukannya berdekatan sungai.

Lokasi itu sesuai untuk mereka menangkap ikan dan anak-anak kecil bermandi-manda.

Sewaktu hari kejadian perpindahan itu, penduduk kampung dibahagikan kepada tiga kumpulan daripada 74 keluarga supaya lokasi perpindahan itu tidak terlalu sesak.

Menariknya pembinaan khemah tidak mengambil masa yang lama, hanya dalam setengah jam berbelas-belas jenis khemah lengkap dengan para siap dibina menggunakan batang-batang pokok dan daun bertam sebagai atap.

Binaan khemah ini terbahagi kepada tiga jenis iaitu khemah untuk orang bujang yang terbuka, khemah untuk

pasangan yang sudah lama berkahwin yang sedikit tertutup manakala khemah pasangan baru berkahwin yang lebih tertutup rapat.

Ketika kaum lelaki membina khemah, kaum wanita pula memancing ikan dan membuat air teh. Menariknya pelbagai jenis masakan seperti nasi, sup ikan, ulam rebus kemudiannya dimasak menggunakan buluh.

Sebaik tiba waktu makan, kanak-kanak kecil yang sibuk bermain di tepi sungai juga mula pulang ke khemah masing-


masing. Walaupun hidangan makan malam mereka serba ringkas, namun ia tetap sajian lengkap dan menyelerakan.

Saat malam mengambil alih putaran alam, suasana hutan sangat mendamaikan. Tiada teknologi di depan mata, sebaliknya hanya Cahaya unggul api dan disulami bunyian unggas hutan yang menghidupkan ritma alam.

Tapi malam kedatangan kami sangat istimewa. Kami dipersembahkan dengan tarian sewang daripada anak-anak muda kampung. Sesuatu yang biasa dilihat kaca TV, namun kini didepan mata dan lebih istimewa di dalam hutan sambil di kelilingi unggul api.

Selepas lebih enam minggu pelaksanaan PKP iaitu menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri, penduduk pulang semula ke perkampungan selepas mendapat perkhbaran daripada Raina bahawa penularan jangkitan Covid-19 sudah dapat dikawal kerajaan.

Biarpun kehidupan nomad sudah lama ditinggalkan namun perpindahan kali ini bukan sekadar untuk menghindari penularan Covid-19 tetapi mengajar golongan muda dan anak-anak kecil betapa amalan dan tradisi nenek moyang harus dikekalkan supaya tidak pupus ditelan zaman.



Peta menunjukkan lokasi dua kampung orang asli Bateq di Kuala Koh dan Aring 5 di Gua Musang.

Orang asli Bateq trauma penyakit misteri

GUA MUSANG - Perpindahan orang asli Bateq ke dalam hutan ketika perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac lalu dibuat atas dua faktor utama.

Tok Penghulu Kampung Orang Asli Aring 5, Raina Anjang, 50, berkata, dua faktor itu adalah kebimbangan terhadap penularan virus Covid-19 dan kerisauan terhadap pelbagai larangan ketika PKP.

"Penduduk risau virus Covid-19 ini akan menyebabkan kematian dalam kalangan penduduk sama seperti kejadian demam campak tahun lalu. Jika demam campak hanya melibatkan penduduk di Kampung Orang Asli Kuala Koh tetapi Covid-19 ini melibatkan satu dunia."

"Keduanya penduduk perlu memikirkan andai mereka melanggar perintah PKP terutamanya anak-anak yang suka dikawal."

"Jadi bagi memberi ketenangan dan menjamin keselamatan kepada semua, saya mengarahkan mereka berpindah ke dalam hutan buat sementara waktu," kata Raina dalam temubual eksklusif dengan *Sinar Harian* di sini baru-baru ini.

Katanya, perpindahan sementara ke dalam hutan yang sejauh tujuh kilometer itu dilakukan secara berperingkat demi keselamatan penduduk yang berjumlah 304 orang.

"Kesemua mereka dipecahkan kepada tiga kumpulan bagi memudahkan urusan. Bekalan makanan di dalam hutan juga akan mencukupi selain mudah mengawal aktiviti anak-anak kecil," katanya.



Pelbagai jenis makanan dimasak secara tradisional menggunakan buluh.



Anak-anak orang asli Bateq mandi-manda di sungai berdekatan lokasi perpindahan sementara di kawasan hutan di Gua Musang.